Jabatan Bantuan Guaman Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur No.Telefon : 03-26942700 No.Faks: 03-26940040	Jabatan Bantuan Guaman Selangor No.Telefon : 03-55106192/ 03-55106298 No.Faks: 03-26940040
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Gua Musang No.Telefon: 09-9123688 No.Faks: 09-9126988	Jabatan Bantuan Guaman Kelantan No.Telefon: 09-7482548 No.Faks: 09-7472615
Jabatan Bantuan Guaman Perak No.Telefon: 05-2544027/ 05-2552240 No.Faks: 05-2556007	Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang No.Telefon: 04-2109100/ 04-2109108 No.Faks: 04-2287966
Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sembilan No.Telefon : 06-7630457 No.Faks: 06-7610380	Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Raub No.Telefon: 09-3553677 No.Faks: 09-3557494
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Taiping No.Telefon: 09-3553677 No.Faks: 09-3557494	Jabatan Bantuan Guaman Melaka No.Telefon : 06-2345277 No.Faks : 06-2345280
Jabatan Bantuan Guaman Kedah No.Telefon: 04-7001553 No.Faks: 04-7327452	Jabatan Bantuan Guaman Cawangan W.P Labuan No.Telefon: 087-412242 No.Faks: 087-411531

Jabatan Bantuan Guaman Johor No.Telefon: 07-2234960/ 07-2237073 No.Faks: 07-2345280	Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Langkawi No.Telefon: 04-9698180/ 04-9698183 No.Faks: 04-9698181
Jabatan Bantuan Guaman Perlis No.Telefon: 04-9767739 No.Faks: 04-9767790	Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Miri No.Telefon: 085-423606 No.Faks: 085-425204
Jabatan Bantuan Guaman Pahang No.Telefon: 09-5161135/ 09-5162639 No.Faks: 09-3557494	Jabatan Bantuan Guaman Terengganu No.Telefon: 09-6203240 /41/42/43 No.Faks: 09-6203250
Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Sibu No.Telefon: 084-343978 No.Faks: 084-346978	Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang No.Telefon: 04-2109100/ 04-2109108 No.Faks: 04-2287966
Jabatan Bantuan Guaman Sarawak No.Telefon: 082-258 No.Faks: 088-488096	Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Muar No.Telefon: 06-9522410 No.Faks: 06-9528153

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan mana-mana cawangan Jabatan Bantuan Guaman yang berdekatan atau Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman di alamat yang berikut:

IBU PEJABAT:
JABATAN BANTUAN GUAMAN
ARAS 1,
BANGUNAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG,
PRESINT 3,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62692 PUTRAJAYA

NO. TELEFON:
03-88851827 (Sivil) | 03-88851826 (Syariah)
NO. FAKSIMILE: 03-88851829/ 1830/ 1831
PORTAL: www.jbg.gov.my

CATATAN:
RISALAH INI IALAH SUATU PENERANGAN RINGKAS UNTUK PENGETAHUAN ORANG RAMAI SAHAJA. IA BUKAN NASIHAT UNDANG-UNDANG YANG LENGKAP DAN TERPERINCI.

Jabatan Bantuan Guaman

www.jbg.gov.my

jabatanbantuanguaman

1 Apakah yang dimaksudkan dengan mutaah??

Mutaah ialah suatu pembayaran sagu hati yang diberikan oleh bekas suami kepada bekas isterinya selepas mereka bercerai sama ada berupa wang atau barang. Mutaah ini dikira sebagai bayaran yang wajib dibayar apabila seorang perempuan diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya

2 Apakah hukum mengenai mutaah?

Suami wajib memberi mutaah kepada isteri yang diceraikan berdasarkan syarat-syarat tertentu. Dalil pensyariatan ini termaktub didalam surah *Al-Baqarah ayat 241*.

"Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat Mutaah dengan cara yang patut sebagai satu tanggungan yang wajib ke atas orang-orang yang bertaqwa"

Al-Khatib Al-Syarbini dalam kitab Mughni al-Muhtaj, jilid 4 menjelaskan bahawa mutaah itu wajib diberikan kepada isteri sama ada ia diceraikan sebelum atau selepas disetubuhi, sudah ditentukan maharnya atau belum. Ia boleh diberikan dalam bentuk wang, pakaian dan barang lain.

3 Apakah tujuan mutaah itu?

Mutaah bertujuan untuk meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh bekas isteri akibat diceraikan oleh bekas suaminya.

Dengan pemberian mutaah tersebut kepada bekas isteri:

a. Akan membolehkan isteri itu untuk berdikari dan memulakan hidup baharu selepas bercerai;

b. Akan mengelakkan prasangka buruk masyarakat terhadap isteri bahawa perceraian adalah berpunca daripada kesalahan isteri; dan

c. Ia merupakan penghargaan daripada suami atas sumbangan dan peranan isteri

4 Apakah pra syarat untuk isteri memohon mutaah di Malaysia?

Pra syarat untuk isteri memohon mutaah di Malaysia adalah seperti berikut:

a. Wujud perkahwinan yang sah yang diiktiraf oleh undang-undang di Malaysia;

b. Berlaku perceraian bukan berpunca daripada isteri;

c. Berlaku perceraian hidup;

d. Berlaku persetubuhan; dan

e. Perceraian bukan disebabkan oleh suami papa.

5 Apakah faktor yang menggugurkan hak mutaah?

Faktor yang menggugurkan hak mutaah adalah seperti berikut:

a. Isteri murtad;

b. Fasakh nikah kerana aib isteri;

c. Isteri fasakh nikah kerana suami papa;

d. Isteri fasakh nikah kerana suami mati pucuk;

e. Isteri dimerdekakan, suami masih hamba dan isteri memilih untuk fasakh nikah; dan

f. Perceraian secara tebus talak.

6 Bagaimanakah cara untuk menentukan kadar mutaah?

Prinsip umum yang digunakan oleh Mahkamah Syariah sebagai panduan dalam menentukan kadar mutaah adalah seperti berikut:

a. Kemampuan suami;

b. Kedudukan isteri;

c. Tempoh Perkahwinan; dan

d. Pengorbanan Isteri.

7 Apakah peruntukan mengenai mutaah dalam undang-undang keluarga Islam?

Peruntukan mengenai mutaah terdapat dalam semua Akta/Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam.

Seksyen 56 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan:

"Sebagai tambahan kepada haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mutaah atau pemberian sagu hati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa perempuan itu telah diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut Hukum Syarak".

8 Bolehkah Jabatan Bantuan Guaman (JBG) memberi bantuan kepada isteri yang diceraikan untuk menuntut mutaah?

Boleh. Pemohon yang ingin mendapatkan khidmat JBG perlu mengemukakan butiran dan dokumen seperti berikut:

a. Butir-butir perkahwinan
   - Surat Perakuan Cerai

b. Butir-butir pihak kena tuntut
   - Nama, alamat dan pekerjaan bekas suami
   - Nama dan alamat majikan bekas suami

c. Dokumen sokongan
   - Penyata gaji atau pendapatan bekas suami
   - Dokumen lain yang berkaitan